

Dasar kerajaan perangi rasuah jelas, berterusan

SPRM sedia teliti, kaji cadangan penambahbaikan dikemuka TI-M

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak pernah dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pelaku rasuah serta tindakan tegas akan diambil mengikut prinsip kedaulatan undang-undang.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan semalam, menegaskan bahawa dasar dan komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah dan meningkatkan tadbir urus kerajaan adalah jelas serta berterusan.

Kenyataan itu menyebut, ia

maklum dengan keputusan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2020 yang diumumkan Transparency International (TI) kelmarin, iaitu skor sebanyak 51/100 dan kedudukan 57/180 negara.

"Walaupun skor dan kedudukan negara menurun sedikit daripada tahun 2019, perlu ditegaskan bahawa dasar dan komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah dan meningkatkan tadbir urus kerajaan adalah jelas serta berterusan," kata kenyataan itu.

Pada peringkat awal kerajaan Perikatan Nasional (PN) mengambil alih pentadbiran, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) masih diteruskan bagi meningkatkan tadbir urus kerajaan, selain mengurangkan dan menutup peluang rasuah dalam kerajaan.

"Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) juga sentiasa melihat kepada kaedah dalam meningkatkan tadbir urus dalam

pentadbiran kerajaan," kata kenyataan itu.

Kelmarin, media melaporkan, Malaysia jatuh enam anak tangga kepada kedudukan ke-57 daripada 180 negara dalam CPI TI bagi 2020.

Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan dipetik berkata, skor Malaysia juga menurun dua mata kepada 51 daripada 100 mata berbanding tahun sebelumnya dalam tinjauan CPI itu.

Dalam kalangan negara ASEAN, Singapura berada di kedudukan teratas diikuti Brunei (ke-35) dan Malaysia (ke-57). Singapura adalah satu-satunya negara dari Asia yang berada di kedudukan 10 teratas.

Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneliti dan mengkaji cadangan penambahbaikan yang dikemukakan TI-M dalam usaha pencegahan rasuah di ne-

Nasional Malaysia di kedudukan 57

Jatuh enam anak tangga, skor turun susut 2 mata



Dr Muhammad Mohan

Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan dipetik berkata, skor Malaysia juga menurun dua mata kepada 51 daripada 100 mata berbanding tahun sebelumnya dalam tinjauan CPI itu.

Dalam kalangan negara ASEAN, Singapura berada di kedudukan teratas diikuti Brunei (ke-35) dan Malaysia (ke-57). Singapura adalah satu-satunya negara dari Asia yang berada di kedudukan 10 teratas.

Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneliti dan mengkaji cadangan penambahbaikan yang dikemukakan TI-M dalam usaha pencegahan rasuah di ne-

Keratan akhbar BH semalam.

Walaupun skor dan kedudukan negara menurun sedikit daripada tahun 2019, perlu ditegaskan bahawa dasar dan komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah dan meningkatkan tadbir urus kerajaan adalah jelas serta berterusan.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri

gara ini.

SPRM dalam satu kenyataan semalam, berkata ia membabitkan mana-mana cadangan berkaitan atau bawah bidang kuasa suruhanjaya itu bagi menyumbang kepada skor lebih baik bagi Malaysia pada masa akan datang.

"SPRM mengambil maklum berhubung kedudukan dan skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2020 seperti diumumkan oleh TI-M semalam.

"Kita akan meneliti dan mengkaji cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh TI-M dalam usaha pencegahan rasuah di negara ini," kata kenyataan itu.

Pada masa sama, SPRM menyambut baik maklum balas positif berhubung CPI 2020 berkaitan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), penguatkuasaan Seksyen 17A Akta SPRM serta siasatan kes berprofil tinggi yang sedang berjalan.